



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**PENAWARAN PEKERJAAN DIIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**

**Kekosongan jawatan diiklankan dalam talian merekodkan peningkatan
32.5 peratus dengan 448,181 kekosongan pada suku tahun keempat (ST4) 2023**

PUTRAJAYA, 14 JUN 2024 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyiarkan **Analisis Data Raya *Job Market Insights* dan *My Job Profile: Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia***, bagi suku tahun keempat 2023. Analisis suku tahunan ini memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Analisis ini juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian daripada pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, profil pekerjaan, aktiviti ekonomi, negeri dan kemahiran.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Bilangan kekosongan jawatan diiklankan dalam talian pada suku tahun keempat 2023 merekodkan peningkatan sebanyak 32.5 peratus dengan 448,181 kekosongan berbanding 338,305 kekosongan pada suku tahun ketiga 2023. Pada suku ini, terdapat sebanyak 85,814 pertubuhan yang menawarkan kekosongan jawatan berbanding 77,499 pertubuhan yang direkodkan pada suku tahun ketiga 2023. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, bilangan kekosongan jawatan mencatatkan pertumbuhan tiga digit iaitu 119.2 peratus berbanding 77.9 peratus pada ST3 2023 seperti di paparan **Carta 1**. Pada bulanan suku keempat 2023, kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian yang tertinggi adalah pada bulan Disember 2023 iaitu sebanyak 172,777 kekosongan. Sementara itu, terdapat 137,449 dan 137,955 kekosongan pada bulan Oktober dan November 2023."

Ujar Ketua Perangkawan lagi, “Bagi kekosongan jawatan diiklankan dalam talian berdasarkan kategori pekerjaan, hampir separuh daripada kekosongan jawatan tertumpu dalam bidang Profesional dengan 48.9 peratus atau 218,947 kekosongan pada ST4 2023 seperti di **Paparan 1**. Ini diikuti oleh 18.5 peratus (82,950) bagi kategori Pengurus manakala Juruteknik dan Profesional Bersekutu menyumbang 17.0 peratus (76,284). Pecahan selanjutnya mengikut pekerjaan popular pada suku tahun tersebut, terdapat permintaan yang lebih tinggi untuk bidang Profesional Pengiklanan & Pemasaran, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Pengarah Urusan & Ketua Eksekutif, Akauntan & Juruaudit serta Pembangunan Perisian.” (**Paparan 2**)

Bagi kekosongan jawatan mengikut sektor ekonomi, kebanyakan kekosongan jawatan pada ST4 2023 adalah dalam sektor Perkhidmatan dengan 50.9 peratus atau 228,148 kekosongan. Melihat kepada kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, Perdagangan Borong dan Runcit mendominasi kekosongan dengan 15.9 peratus atau 71,154 pekerjaan seperti di **Paparan 3**. Pembuatan merekodkan sejumlah 32,976 kekosongan (7.4%), diikuti oleh Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan sebanyak 32,113 kekosongan (7.2%) dan Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal dengan 27,757 kekosongan (6.2%).

Menurut Ketua Perangkawan “Pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ialah pekerjaan Profesional Pengiklanan dan Pemasaran yang mencatatkan bilangan kekosongan jawatan tertinggi (33,079), diikuti oleh Profesional Bersekutu Pentadbiran (20,240) dan Jurutera Perisian (12,318) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4**. Bagi kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), tiga (3) pekerjaan utama ialah Pengurus Projek (4,662), Jurutera Perisian (3,571) dan Juruteknik (3,084). Sementara itu, pekerjaan dengan permintaan tertinggi bagi Senarai Pekerjaan Kritikal/ *Critical Occupation List* (COL) ialah Profesional Pengiklanan & Pemasaran (33,079), Pengarah Urusan & Ketua Eksekutif (19,266) serta Akauntan & Juruaudit (18,025).”

Mengenai kekosongan jawatan diiklankan dalam talian di peringkat negeri, semua negeri kecuali Perlis menunjukkan peningkatan kekosongan berbanding suku tahun ketiga 2023. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan kekosongan jawatan tertinggi iaitu 81,574 atau 18.2 peratus seperti di **Paparan 5**. Pada masa yang sama, negeri lain yang mempunyai kekosongan jawatan yang tinggi ialah Selangor dengan 43,673 (9.7%), diikuti

Johor sebanyak 19,822 (4.4%). Sementara itu, negeri Perlis merekodkan kekosongan terendah iaitu hanya 79 kekosongan jawatan sahaja.


Analisis data raya ini bermanfaat kepada pengguna terutamanya golongan pencari kerja berdasarkan kekosongan jawatan mengikut bidang, sektor ekonomi, TVET dan kekosongan mengikut negeri. Pencari kerja boleh mendapatkan informasi perincian mengenai penawaran pekerjaan diiklankan dalam talian di Malaysia melalui laman sesawang <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM memperingati Jubli Intan ke-75 pada tahun 2024.


Carta 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian, ST4 2020 – ST4 2023




Paparan 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan, ST3 2023 – ST4 2023




Paparan 2: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan Popular, ST3 2023 – ST4 2023




Paparan 3: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi, ST3 2023 – ST4 2023



Paparan 4: Kekosongan Jawatan Tertinggi Diiklankan dalam Talian mengikut TVET, STEM dan COL, ST3 2023 – ST4 2023



Paparan 5: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Negeri, ST3 2023 – ST4 2023



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
14 JUN 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT
JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA
FOURTH QUARTER 2023

Job vacancies advertised online recorded an increase of 32.5 per cent with 488,181 vacancies in fourth quarter (Q4) 2023

PUTRAJAYA, JUNE 14, 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released ***Big Data Analytics of Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Advertised Online in Malaysia***, for the fourth quarter of 2023. The quarterly analysis features statistics compiled based on job vacancies advertised online by several popular private recruitment portals. The analysis also provides information on job vacancies offered by employers via online from various aspects such as job type, job profile, economic activity, state and skills.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The number of vacancies advertised online in the fourth quarter of 2023 recorded an increase of 32.5 per cent with 448,181 vacancies as compared to 338,305 vacancies in the third quarter of 2023. During this quarter, there were 85,814 establishments offering job vacancies as compared to 77,499 in the third quarter 2023. On a year-on-year basis, the number of job vacancies registered a three digit growth of 119.2 per cent as against 77.9 per cent in Q3 2023 as shown in **Chart 1**. In the fourth quarter of 2023 monthly, the highest number of job vacancies advertised online was in December 2023, which was 172,777 vacancies. Meanwhile, there are 137,449 and 137,955 vacancies in October and November 2023."

Chief Statistician also stated, "As for job vacancies advertised online based on occupation category, almost half of the vacancies are concentrated in the Professionals field with 48.9 per cent or 218,947 vacancies in Q4 2023 as shown in **Exhibit 1**. This was followed by 18.5 per cent (82,950) in the category of Managers while Technicians & Associate Professionals accounted for 17.0 per cent (76,284). On further disaggregation of the hottest job during the quarter, there were higher demand for Advertising & Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals, Managing Directors & Chief Executives, Accountants & Auditors, and Software Developers."(**Exhibit 2**)

In the economic sector, most of the job vacancies in Q4 2023 were in the Services sector with a share of 50.9 per cent or 228,148 vacancies. Observing the job vacancies by economic activity, Wholesale and Retail Trade dominated the vacancies with 15.9 per cent or 71,154 jobs as shown in **Exhibit 3**. Manufacturing recorded a total of 32,976 vacancies (7.4%), followed by Administrative & Support Service Activities at 32,113 vacancies (7.2%) and Professional, Scientific & Technical Activities with 27,757 vacancies (6.2%).

According to the Chief Statistician, "Popular jobs offered in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) category was Advertising and Marketing Professionals occupation which recorded the highest number of vacancies (33,079), followed by Administrative Associate Professionals (20,240) and Software Developers (12,318) as depicted in **Exhibit 4**. As for the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) category, the top three (3) jobs were Project Manager (4,662), Software Engineer (3,571) and Technician (3,084). In the meantime, the highest demand jobs for Critical Occupation List (COL) was Advertising and Marketing Professionals (33,090), Managing Directors & Chief Executives (19,266) as well as Accountant & Auditors (18,025)."

Concerning the job vacancies advertised online at the state level, all states except Perlis showed an increases in vacancies as compared to the third quarter 2023. W.P. Kuala Lumpur posted the highest vacancies at 81,574 or 18.2 per cent as depicted in **Exhibit 5**. On the same note, another state with high vacancies was

Selangor with 43,673 (9.7%), followed by Johor at 19,822 (4.4%). Meanwhile, the state of Perlis recorded the lowest vacancy, with only 79 vacancies.

The big data analytics is beneficial to users, especially job seekers based on vacancies by field, economic sector, TVET and vacancies by state. Job seekers can get detailed information on job offers advertised online in Malaysia through the website <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online, Q4 2020 – Q4 2023




Exhibit 1: Job Vacancies Advertised Online by Occupation, Q3 2023 – Q4 2023




Exhibit 2: Job Vacancies Advertised Online by Hottest Job, Q3 2023 – Q4 2023



Exhibit 3: Job Vacancies Advertised Online by Economic Activity, Q3 2023 – Q4 2023




Exhibit 4: Job Vacancies Advertised Online by TVET, STEM and COL, Q3 2023 – Q4 2023





Exhibit 5: Job Vacancies Advertised Online by State, Q3 2023 – Q4 2023



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14 JUNE 2024**